

TAHAP REHABILITASI SPIRITAL DALAM KALANGAN PESALAH MUDA BERDASARKAN ELEMEN DHARURIYAT AL-KHAMS: SATU TINJAUAN AWAL DI INSTITUSI PENJARA

Asma Adnan¹, Md. Zawawi Abu Bakar², Norazlina Zakaria³

Universiti Utara Malaysia ^{1,2,3}

e-mail: *asmaadnan91@gmail.com¹, zawawi@uum.edu.my², norazlina.zakaria@uum.edu.my³

ABSTRAK

Rehabilitasi spiritual berperanan sebagai salah satu intervensi bagi memastikan penghuni bersikap lebih positif dan menjadi individu lebih baik. Walaupun terdapat kajian mengenai tahap rehabilitasi spiritual dalam kalangan banduan muda, masih kurang kajian yang meninjau tahap rehabilitasi spiritual banduan muda berdasarkan Dharuriyat Al-Khams (REDHA-5). Tinjauan awal dalam kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap rehabilitasi spiritual dalam kalangan pesalah muda berdasarkan Dharuriyat Al-Khams. Kajian ini melibatkan 30 peserta kajian daripada sebuah Sekolah Integriti. Responden dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan instrumen kajian ini ialah soal selidik yang diberi nama REDHA-5 yang ditadbir berdasarkan Skala Tingkah Laku Religiositi Muslim dan Measurement of Maqasid Syariah Quality of Life (I-QoL) Model. Pengesahan dan penilaian pakar juga telah dilakukan terhadap item REDHA-5 yang merangkumi bidang kerja sosial, kaunseling dan maqasid syariah. Data kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) Versi 25.0. Dapatkan kajian menunjukkan nilai kebolehpercayaan (cronbach's alpha) yang ($\alpha = 0.90$). Hasil kajian yang diperoleh membuktikan tinjauan awal mengenai tahap rehabilitasi spiritual berdasarkan Dharuriyat Al-Khams memberi manfaat kepada institusi penjara. Selain itu, dapatan kajian juga sebagai panduan dan gambaran awal kepada pengkaji mengenai tahap rehabilitasi spiritual banduan muda sekaligus dapat menambah baik suasana spiritual dari semasa ke semasa.

Keywords: *Dharuriyat Al-Khams, Institusi Penjara, Pesalah Muda, Rehabilitasi Spiritual*

Pengenalan

Rehabilitasi telah dilaksanakan di kebanyakan institusi penjara dan pusat pemulihan agar dapat membentuk penghuni dan tidak hanya menumpukan hukuman semata-mata. Hakikatnya, proses rehabilitasi yang dijalani oleh penghuni bertujuan memberikan pengalaman dan bersikap positif untuk menjadi individu lebih baik dalam membangunkan rohani, emosi, intelektual dan akhlak (Nurul Husna Mansor & Mohamad Jodi, 2020). Oleh demikian, tahap spiritual berdasarkan

Dharuriyat Al-Khams menjadi keperluan untuk diteliti agar aktiviti dan suasana spiritual yang lebih baik dan sejahtera.

Hakikatnya, Dharuriyyat Al-Khams merangkumi lima perkara iaitu menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan (maruah). Kelima-lima perkara ini merupakan keperluan asasi yang diperlukan oleh setiap individu. Jika satu daripada lima keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia tidak membawa erti (Hamka Haq, 2007). Tindakan dalam mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai mafsadah (Mahmood Zuhdi & Paizah, 2004). Kelima-lima elemen tersebut adalah perkara asas yang diperlukan oleh setiap individu bagi memenuhi maksud syarak (Ab Rahman, 2017). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap rehabilitasi spiritual dalam kalangan pesalah muda berdasarkan Dharuriyat Al-Khams.

Metodologi

Kajian rintis telah dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melakukan tinjauan terhadap satu sekolah integriti dikendalikan oleh Jabatan Penjara Malaysia. Seramai 30 responden dari Sekolah Integriti Sungai Petani dipilih sebagai responden menggunakan teknik persampelan bertujuan (Creswell & Creswell, 2018). Responden dipilih mengikut ciri-ciri yang telah digariskan bagi memenuhi objektif kajian berikut: (i) berumur antara 15 hingga 21 tahun, (ii) telah disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman, (iii) warganegara Malaysia, (iv) Melayu Islam, (v) boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu, dan (vi) bersedia untuk mengambil bahagian dengan. Penglibatan seramai 30 orang responden adalah disebabkan kekurangan bilangan responden kerana bilangan penghuni institusi penjara sentiasa berubah kerana proses masuk dan penempatan. Pemilihan ke atas 30 orang responden adalah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik REDHA-5 yang telah dibina.

Data untuk kajian ini dikumpul menggunakan soal selidik berdasarkan Skala Tingkah Laku Religiositi Muslim dan Measurement of Maqasid Syariah Quality of Life (I-QoL) Model. Kandungan soal selidik REDHA-5 terbahagi kepada dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah maklumat demografi responden yang merangkumi 18 item seperti umur, negeri tempat kediaman, kawasan tempat tinggal, bilangan dan kedudukan dalam adik-beradik, adik-beradik, status ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, tahap pendidikan, jenis dan tempoh bagi kesalahan jenayah. Manakala Bahagian B pula mengandungi 71 item berkenaan tahap spiritualiti pesalah muda yang berada di institusi penjara. Kesemua 71 item dalam Bahagian B diukur menggunakan skala Likert bagi mengukur tahap spiritualiti responden menggunakan skor dari 1

hingga 5 seperti berikut: sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), tidak pasti (TP), setuju (S), dan sangat setuju (SS).

Selain itu, perbincangan meja bulat melibatkan lima orang pakar dalam kajian ini. Lima orang pakar yang dilantik dan menjadi penilai bagi mengesahkan instrumen yang telah dibina merupakan pakar dari bidang bimbingan dan kaunseling Islam, psikologi remaja, kerja sosial, dan pendidikan Islam. Perbincangan melibatkan pakar telah dijalankan untuk memberi peluang kepada pakar menilai dan memberi maklum balas tentang kesahihan item dalam soal selidik REDHA-5. Secara keseluruhannya, setiap item dalam set soal selidik REDHA-5 mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (alfa Cronbach) ($\alpha = 0.90$). Hal ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan adalah sesuai untuk mengukur tahap spiritualiti pesalah muda berdasarkan Dharuriyat Al-Khams. Menurut George dan Mallery (2003), dengan nilai pekali kebolehpercayaan > 0.8 dan ke atas menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen yang baru dibangunkan atau pertama kali digunakan berada pada tahap yang baik.

Data kajian ini dianalisis secara deskriptif melalui perisian SPSS Version 25.0. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis profil responden seperti kekerapan dan peratus yang melibatkan min (M) dan sisisian piawai (SD) untuk mentafsir tahap spiritualiti pesalah muda di institusi penjara. Dapatan yang diperolehi digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Oleh itu, tahap spiritualiti pesalah muda diukur berdasarkan skor min dan dikodkan berdasarkan tiga tahap, iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1
Skala Skor Min dan Tafsiran untuk Tahap Spiritualiti

Skor min	Tahap	Interpretasi skor min
1.00–2.33	Rendah	Spiritualiti rendah
2.34–3.66	Sederhana	Spiritualiti sederhana
3.67–5.00	Tinggi	Spiritualiti tinggi

Sumber: Diubahsuai daripada Pallant (2010)

Dapatan Kajian

Ciri Demografi Responden

Kajian ini melibatkan remaja pesalah muda dan menjadi penghuni di institusi penjara. Jadual 2 menunjukkan hasil analisis deskriptif bagi ciri demografi pesalah muda dengan memfokuskan

kepada umur, tahap pendidikan, dan tempoh penempatan di institusi penjara. Hasil analisis mendapati majoriti responden berumur 19 dan 20 tahun dengan jumlah seramai 18 orang (60.0%) bagi setiap kumpulan umur, manakala kumpulan berumur 18 tahun terdiri daripada 16.7% atau 5 orang. Hanya 4 responden (13.3%) berumur 21 tahun. Bagi peringkat pendidikan, majoriti responden adalah dalam kumpulan sekolah menengah rendah (PMR, PT3) dengan jumlah seramai 14 orang (46.7%). 8 orang responden atau 26.7% daripadanya mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah tinggi (SPM/SPVM). Manakala, hanya seorang responden masing-masing daripada kumpulan tidak bersekolah dan peringkat universiti atau 3.3% setiap satu kumpulan. Terdapat 6 orang responden atau 20.0% daripadanya yang mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah (UPSR). Untuk tempoh penempatan, keputusan menunjukkan bahawa 11 responden atau 36.7% daripada mereka sudah ditempatkan selama 3 bulan hingga 5 bulan. Seramai 5 orang responden atau 16.7% daripada mereka sudah tinggal institusi penjara dalam tempoh kurang 1 bulan, begitu juga 16.7% (5) daripada responden tinggal selama 1 bulan hingga 2 bulan. Selain itu, tiga orang responden atau 10.0% daripada mereka tinggal selama 6 bulan hingga 8 bulan, 9 bulan hingga 12 bulan (1 tahun) dan 1 tahun dan ke atas bagi tiga kelompok masing-masing.

Jadual 2

Ciri-Ciri Demografi Pesalah Muda

Demografi	N (30)	Peratus (%)
Umur		
18 tahun	5	16.7
19 tahun	7	23.3
20 tahun	14	46.7
21 tahun	4	13.3
Tahap Pendidikan		
Tidak Bersekolah	1	3.3
Sekolah Rendah (UPSR)	6	20.0
Sekolah Menengah Rendah (PMR, PT3)	14	46.7
Sekolah Menengah Tinggi (SPM/SPVM)	8	26.7
Universiti	1	3.3
Tempoh Penempatan		
Kurang 1 bulan	5	16.7
1 bulan hingga 2 bulan	5	16.7
3 bulan hingga 5 bulan	11	36.7
6 bulan hingga 8 bulan	3	10.0
9 bulan hingga 12 bulan (1 tahun)	3	10.0
1 tahun dan ke atas	3	10.0

Tahap Spiritualiti Responden di Institusi Penjara

Dapatkan kajian melalui Jadual 3 menunjukkan hasil analisis deskriptif berkenaan skor min dan sisihan piawai bagi tahap spiritualiti pesalah muda di institusi penjara.

Jadual 3.Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Spiritualiti Pesalah Muda

Kod	Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)
B1	Saya percaya dengan kewujudan Allah SWT.	5	0
B2	Saya percaya ada malaikat yang mencatat setiap perbuatan saya.	4.9	0.403
B3	Al-Quran adalah kitab petunjuk bagi umat Islam.	4.93	0.254
B4	Saya percaya Nabi Muhammad SAW adalah Pesuruh Allah SWT.	4.87	0.571
B5	Saya percaya akan berlakunya Hari Kiamat.	4.87	0.346
B6	Setiap yang berlaku telah ditentukan oleh Allah SWT.	4.83	0.461
B7	Saya mengucap Dua Kalimah Syahadah untuk memperbaharui Iman.	4.67	0.547
B8	Saya tidak pernah puasa pada bulan Ramadhan.	3.3	1.022
B9	Kadang-kadang saya tertinggal untuk mengerjakan solat fardhu lima waktu setiap hari.	3.37	0.964
B10	Saya pernah menunaikan Solat Sunat Taubat.	3.4	1.221
B11	Saya pernah menunaikan Solat Sunat Hajat ketika mempunyai hajat.	3.3	0.988
B12	Saya tidak melakukan perkara yang membatalkan puasa.	3.03	0.89
B13	Saya berazam untuk membayar zakat bila berkemampuan.	4.03	0.85
B14	Saya berazam untuk menunaikan haji.	4.28	0.702
B15	Saya mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang haram.	3.73	1.015
B16	Saya memohon pertolongan Allah SWT bila menghadapi masalah.	4.67	0.661
B17	Saya sedia melaksanakan kebaikan bagi menjadi seorang yang baik.	4.37	0.85
B18	Saya sedia mencegah keburukan bagi menjadi seorang yang baik.	4.1	0.923

B19	Saya melakukan ibadah secara ikhlas.	4.55	0.827
B20	Saya mengelakkan diri daripada menunjuk-nunjuk dalam beribadah.	4.07	1.143
C1	Saya sedar perlumbaan haram dilarang dalam Islam.	4.1	0.885
C2	Saya sedar terlibat dengan pergaduhan dilarang dalam Islam.	3.97	0.765
C3	Saya sedar perbuatan buli dilarang dalam Islam.	4.34	0.814
C4	Saya sedar mencederakan diri sendiri secara fizikal dilarang dalam Islam.	4.2	1.064
C5	Saya sedar mendera orang lain secara fizikal dilarang dalam Islam.	4.17	0.913
C6	Saya sedar mendera orang lain secara mental dilarang dalam Islam.	4.1	0.96
C7	Saya sedar membunuh orang lain dilarang dalam Islam.	4.6	0.968
C8	Saya akan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya saya melihat orang melakukan jenayah.	4.17	0.791
C9	Saya berusaha membaca ayat-ayat suci Al-Quran untuk keselamatan diri dan keluarga.	4.5	0.731
C10	Saya mempunyai rumah yang selamat untuk didiami.	4.4	0.724
D1	Saya tahu penyalahgunaan dadah dilarang dalam Islam.	4.33	0.922
D2	Saya tahu minum arak dilarang dalam Islam.	4.7	0.535
D3	Saya tahu menghidu gam dilarang dalam Islam.	4.6	0.563
D4	Saya berusaha untuk menuntut ilmu secara berterusan.	4.33	0.802
D5	Saya sentiasa menuntut ilmu agama.	4.31	0.761
D6	Saya menuntut ilmu yang tidak bercanggah dengan syariat supaya saya dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.	4.27	0.691
D7	Saya berhati-hati dalam membuat keputusan agar tidak menderhaka kepada Allah SWT.	4.33	0.661
D8	Saya sentiasa memikirkan kesan daripada tindakan saya.	4.13	0.571
D9	Saya berkongsi pandangan saya mengenai hal-hal kehidupan seharian dengan orang lain.	3.63	1.066
D10	Kadang-kadang, saya memberi peringatan dan nasihat kepada rakan yang melakukan perbuatan buruk.	4	0.91
E1	Saya pernah menconteng bangunan sekolah atau tempat awam.	3.3	1.264
E2	Saya sedar memeras ugut dilarang dalam Islam.	4.07	1.112
E3	Saya sedar berjudi dilarang dalam Islam.	4.47	0.86

E4	Saya sedar perbuatan mencuri dilarang dalam Islam.	4.37	0.89
E5	Saya sedar terlibat dalam pertaruhan (betting) dilarang dalam Islam.	4.13	1.008
E6	Saya sedar mengedar dadah dilarang dalam Islam.	4.27	0.944
E7	Saya mendapat wang secara sah.	3.77	1.135
E8	Saya tahu saya perlu bekerja untuk menyara hidup.	4.7	0.535
E9	Saya membuat perancangan kewangan peribadi.	3.93	0.944
E10	Saya menghindari pertengkaran berkaitan masalah kewangan.	3.63	0.928
F1	Saya tahu Islam menetapkan batas pergaulan antara lelaki dengan perempuan yang bukan mahram.	4.3	0.952
F2	Saya sedar bahawa aktiviti seks bebas dilarang dalam Islam.	4.3	1.055
F3	Saya sedar mencabul dilarang dalam Islam.	4.57	0.817
F4	Saya sedar berzina dilarang dalam Islam.	4.63	0.809
F5	Saya tahu menggugurkan kandungan adalah haram kecuali dalam kes yang dibenarkan oleh syariat.	4.17	1.206
F6	Saya tahu sumbang mahram (hubungan seks dengan ahli keluarga) dilarang dalam Islam.	4.7	0.535
F7	Saya sedar perkahwinan wajib dilakukan.	4.73	0.521
F8	Perkahwinan memberi ketenangan dalam hidup.	4.3	0.794
F9	Saya menjaga batasan aurat dalam berpakaian.	4	0.788
F10	Saya sedar perkahwinan yang sah bertujuan menjaga nasab keturunan.	4.53	0.571
F11	Saya sedar perkahwinan yang sah membolehkan untuk mewarisi harta pusaka.	4.1	0.885

Nota. STS=Sangat Tidak Setuju ; TS=Tidak Setuju; TP=Tidak Pasti; S=Setuju; SS=Sangat Setuju

Jadual 3 menunjukkan 71 item spiritualiti berdasarkan Dharuriyat Al-Khams diuji secara deskriptif. Perkara-perkara ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana tahap spirituality pesalah muda sepanjang berada di institusi penjara. Sebanyak 63 item berada pada tahap tinggi dan 8 item berada pada tahap sederhana.

Nilai min tertinggi adalah untuk item B1, iaitu "Saya percaya dengan kewujudan Allah SWT" ($M = 5$, $SD = 0$). Analisis terperinci terhadap pandangan responden terhadap beberapa item adalah tinggi bagi B2: "Saya percaya ada malaikat yang mencatat setiap perbuatan saya" ($M = 4.9$) dan B3:

“Al-Quran adalah kitab petunjuk bagi umat Islam” ($M = 4.93$). Min bagi item sederhana tertinggi ialah 3.63 untuk D9: "Saya berkongsi pandangan saya mengenai hal-hal kehidupan sehari-hari dengan orang lain" dan juga E10: "Kadang-kadang, saya memberi peringatan dan nasihat kepada rakan yang melakukan perbuatan buruk". Berdasarkan analisis, dijelaskan bahawa responden yang ditempatkan di institusi penjara sedar akan kesilapan mereka dan boleh menerima keadaan peribadi mereka sekaligus dapat menasihati rakan penghuni yang lain. Hal ini berlaku berikutan kebanyakan aktiviti dijalankan bersama yang ditekankan oleh pihak pengurusan. Selain itu, hasil kajian menunjukkan nilai min yang paling rendah adalah bagi item B12 iaitu “Saya tidak melakukan perkara yang membatalkan puasa” ($M = 3.03$, $SD = 0.89$). Hal ini menunjukkan item berkaitan penjagaan agama masih terdapat kelomongan dengan kekurangan pengamalan puasa dalam kalangan pesalah muda.

Perbincangan

Rehabilitasi spiritual yang dilalui oleh pesalah muda adalah keperluan penting dalam meneruskan kehidupan dengan lebih positif. Kesalahan jenayah yang telah dilakukan pada usia remaja memberi kesan kepada diri sendiri dan juga orang sekeliling khususnya keluarga. Oleh itu, intervensi spiritual yang dijalani oleh mereka bertujuan agar dapat menyediakan diri dengan penerapan lima elemen dalam Dharuriyyat Al-Khams sebelum menghadapi dunia luar apabila dibebaskan. Penerapan rehabilitasi spiritual yang baik diperlukan untuk menghalang mereka daripada mengulangi perbuatan yang sama atau melakukan perbuatan jenayah yang lebih besar.

Hasil kajian ini mendedahkan bahawa majoriti pesalah muda di institusi penjara mempunyai tahap spiritualiti yang baik. Kajian ini mendapati bahawa pembinaan spiritual yang baik dengan penekanan kelima-lima elemen dalam Dharuriyyat Al-Khams berlaku sepanjang tempoh mereka penempatan berada di institusi penjara. Hal ini mungkin disebabkan sokongan sosial daripada keluarga dan rakan penghuni yang menjadi faktor mereka lebih positif sekaligus menjalani rehabilitasi spiritual dengan lebih baik. Oleh itu, penerapan kaedah dengan lima elemen Dharuriyyat Al-Khams dilihat mampu meningkatkan tahap spiritual pesalah muda dengan lebih baik.

Kesimpulan

Kesimpulannya, instrumen Dharuriyyah Al Khams yang dibangunkan menjadi kayu ukur penting dalam memastikan kehidupan individu Muslim lebih baik dalam semua aspek sosial, ekonomi dan sebagainya. Kajian ini mengenal pasti keperluan kajian terhadap tahap rehabilitasi spiritual dalam kalangan pesalah muda berdasarkan Dharuriyat Al-Khams (REDHA-5). Secara ringkas, kajian pada masa hadapan seharusnya membincangkan secara lebih mendalam dan terperinci mendalam mengenai rehabilitasi spiritual pesalah muda.

Rujukan

- Alawiyah, D., & Handayani, I. (2019). Penanaman Nilai Spiritual dalam Dimensi Psikoterapi Islam di PP. Rehabilitasi Salafiyah Syafi'iyah Nashrun Minallah. *KONSELI: Jurnal Bimbingan dan Konseling (E-Journal)*, 6(1), 23-32.
- Azmi, M. H. B., & bin Abdul Wahab, M. N. (2019). Pembangunan Model Rawatan Psikospiritual Untuk Meningkatkan Ciri Kepulihan Orang Kena Pengawasan: Satu Tinjauan Literatur. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1, 74-88.
- Borges, M. L., Caldeira, S., Loyola-Caetano, E. A., Magalhães, P. A. D., Areco, F. S., & Panobianco, M. S. (2017). Spiritual/religious coping of women with breast cancer. *Religions*, 8(11), 254.
- Constanita, O. (2019). Pendekatan PAK Terhadap Pecandu Narkoba di Pondok Pemulihan Douglas Jawa Timur. *DIDAKTIKOS: Jurnal Pendidikan Agama Kristen*, 2(1), 24-32.
- Deuchar, R., Mørck, L. L., Matemba, Y. H., McLean, R., & Riaz, N. (2016). 'It's as if you're not in the Jail, as if you're not a Prisoner': Young Male Offenders' Experiences of Incarceration, Prison Chaplaincy, Religion and Spirituality in Scotland and Denmark. *The Howard Journal of Crime and Justice*, 55(1-2), 131-150.
- Haq, H. (2007). Al-Syathibi, Aspek Teologis Konsep Mashlahah dalam Kitab al-Muwafaqat. *Jakarta: Erlangga*.
- Hashim, H., Shah, H. A. R., Baharuddin, A. S., Sahid, M. M., & Hussin, S. (2021). Program Pemulihan Luar Penjara bagi Pesalah Jenayah Syariah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. *The International Journal of Islamic Studies (Islamiyyat)*.
- Ibrahim, N., Mansor, N. H., & Yusoff, Y. M. (2020). Bentuk-bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur: Classifications of Moral Rehabilitation for Sex Offenders in Malaysia: A Literature Review. *Jurnal Usuluddin*, 48(2), 1-23.
- Jalil, S. J. A., Siren, N. R., Ismail, A., Mohamad, A. D., Jodi, K. H. M., Ahmad, L., & Hassan, J. (2020). Perkembangan dan Penerimaan Pendekatan Keagamaan dalam Pemulihan Banduan di Penjara Malaysia. *Al-Hikmah*, 12(2), 53-74.
- Khasha, M., & Permana, I. (2021). Pemenuhan Spiritual Care oleh Perawat di Rumah Sakit: A Structured Review. *Jurnal Ilmu Keperawatan Jiwa*, 4(1), 165-174.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail (2004), Pengantar Pengajian Syariah, Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd, hlm 187-189.
- Marpuah, S., & Normawati, S. (2019) Bimbingan Islam dan Pembangunan Insan: Satu Kajian dalam Kalangan Banduanita Muslim di Penjara Wanita Kajang *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 16(1), 133-143.
- Mozaffari, F., & Hejazi, M. (2019). The role of spiritual and psychological well-being in predicting high-risk behaviors of young prisoners in zanjan. *J Res Relig Health*, 5(3), 32-44.
- Mansor, N. H., & Jodi, K. H. M. (2019). Pengalaman Proses Pemulihan Terhadap Perubahan Tingkah Laku Penghuni Di Baitul Ehsan Dan Dar As-Sa'adah.
- Nugroho, P. (2018). Paradigma Pendekatan Spiritual dalam Layanan Bimbingan dan Konseling di Lembaga Pendidikan Islam. *Konseling Edukasi: Journal Of Guidance and Counseling*, 1(1).
- Roringkon, D. L., Saputro, G. E., & Sarjito, A. (2021). Analisis Pembinaan Narapidana Terhadap

- Kesadaran Bela Negara di Rumah Tahanan Kelas II B Cilodong Depok. *Jurnal Sosial Teknologi*, 1(5), 419-427.
- Saefulloh, A. (2018). Rehabilitasi Eks-Pecandu Narkoba Melalui Pendekatan Agama Islam. *ISLAMIC COUNSELING: Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, 2(1), 43.
- Saidin, M., Salaeh, A., & Yusoff, A. M. (2022). Rawatan Penagihan Dadah Melalui Model Terapi Psikospiritual Holistik: Kajian Kes Di Madrasah Anharul-U-Loom, Thailand. *Jurnal Hadhari*, 14(1), 17-29.
- Saidin, M., Salaeh, A., Amin, M. Z. M., Hassan, S. N. S., & Yusoff, A. M. (2021). Rawatan Penagihan Dadah Melalui Terapi Model Psikospiritual Holistik Berasaskan Aspek Ibadah: Satu Kertas Konsep. In *UnIPSAS Conference and Proceedings* (Vol. 1, No. 1, pp. 153-162).
- Sudi, S., Haridi, N. H. M., Jodi, K. H. M., Ismail, A. M., Subhi, N., & Aleh, S. S. M. (2022). Spiritual Individu Menurut Psikospiritual Nabawi Untuk Pemulihan Golongan LGBT: Individual Spiritual According to Prophetic Psychospiritual for the Rehabilitation of LGBT. *'Abqari Journal*, 27(1), 81-94.
- Sudi, S., Wazir, R., Salleh, N. M., Usman, A. H., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2021). Membentuk spiritual individu menurut hadis untuk pencegahan dadah: Moulding individual spirituality in accordance to hadiths for drug prevention. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 640-650.